

# Astro: Kerajaan teliti pendapat rakyat

BH

7 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Isnin— Kerajaan masih mendengar pendapat orang ramai sama ada kemasukan program asing yang disiarkan menerusi stesen satelit Astro, mempengaruhi rakyat tempatan atau tidak, sebelum memutuskan sebarang tindakan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sendiri belum membuat kajian mengenai isu itu, yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak seperti dilaporkan media tempatan sejak kebelakangan ini.

“Kita belum kaji tetapi kita sedang mendengar pendapat

orang ramai melalui media. Kalau dia (program Astro) menjadi satu masalah yang mana rakyat membuat desakan kuat, maka kita akan kaji sama ada kita boleh membuat sesuatu,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini hari ini.

Beliau yang juga Presiden Umno diminta mengulas sama ada kerajaan akan turut mengkaji kesan program asing yang disiarkan Astro.

Beberapa tokoh masyarakat, karyawan dan budayawan tempatan mendesak kerajaan mengawal kemasukan program asing yang disiarkan

oleh Astro. Mereka bimbang kesan penyiaran program asing itu terhadap paduan kaum yang sudah lama dipupuk serta kemungkinan memberi kesan buruk terhadap hala tuju serta jati diri bangsa pada masa depan.

Stesen yang mempunyai 29 saluran televisyen untuk kira-kira 3 10,000 pelanggannya sekarang, menawarkan tiga pakej iaitu pakej dunia, pakej filem dan pakej Dinasti.

Pakej Dinasti khusus menyiarkan program berbahasa Cina iaitu Astro AEC, TVBS Asia, Phoenix dan Astro Wah Lai Toi di samping saluran berita stesen tempatan dan

hiburan yang turut disiarkan menerusi pakej lain.

Siaran berita TVBS misalnya dipancarkan dari Hong Kong dan kebanyakan beritanya mengenai perkembangan di China berikutan bekastanah jajahan itu kini sebahagian daripada tanah besar.

Tokoh-tokoh masyarakat dan budayawan tempatan bimbang sogokan berterusan program dan berita mengenai China boleh menyebabkan penonton saluran itu bukan saja tidak lagi mengindahkan perkembangan dalam negeri, malah terpengaruh dengan pemikiran rakyat negara terbabit.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai langkah kerajaan Melaka yang mengeluarkan pekeliling kepada semua agensi kerajaan negeri supaya menamatkan kontrak perubatan atau perundangan mana-mana doktor atau peguam yang terbukti menyokong parti pembangkang.

Dr Mahathir berkata, ia adalah hak kerajaan untuk berbuat demikian, bukannya doktor atau peguam yang dilantik menyertai panel itu.

“Jadi dengan apa juga sebab kalau kerajaan nak berhentikan, boleh berhenti. Kita lihat ada kerajaan di

Pantai Timur umpamanya, memberhenti banyak orang tapi tak banyak orang komen.

“Penghulu diberhenti, semua orang kena berhenti. Saya taklah buat macam itu” katanya merujuk tindakan kerajaan Pas Terengganu selepas memenangi pilihan raya umum lalu.

Mengenai usul Umno Bahagian Papar di mesyuaratnya semalam yang meminta sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah sekarang dikaji semula, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata kerajaan akan menimbangkannya.